

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 10.06.2025 MASA: 05.30PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KITARAN EKONOMI
SEBERANG PERAI**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**14 JUN 2025 (SABTU)
8.00 PAGI**

**MASJID AL RASYIDIN, NIBONG TEBAL
SEBERANG PERAI SELATAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama pada pagi yang penuh bermakna ini dalam **Majlis Perasmian Program Kitaran Ekonomi Seberang Perai**.
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Think City dan Penang Green Council atas komitmen, dedikasi dan sokongan yang berterusan dalam menganjurkan program ini. Sesungguhnya, "*strategic collaboration*" seperti ini amat penting dalam memperkukuh agenda pembangunan lestari di peringkat tempatan.
3. Setinggi-tinggi penghargaan turut saya tujukan kepada semua hadirin termasuk para tetamu kehormat, rakan-rakan strategik, agensi kerajaan, NGO, komuniti tempatan serta warga Seberang Perai yang hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan bukan sahaja menyemarakkan majlis, malah menjadi bukti nyata bahawa "*collective commitment*" amat diperlukan untuk membentuk masa depan yang lebih mampan.

4. Program Kitaran Ekonomi Seberang Perai ini merupakan satu inisiatif penting yang menyokong pendekatan ekonomi kitaran atau “*circular economy*” sebagai teras pembangunan masa depan. Program ini menekankan pengurangan pembaziran, penggunaan semula sumber, serta pemerkasaan komuniti melalui gaya hidup hijau dan keusahawanan lestari.
5. Antara objektif utama program ini adalah untuk menggalakkan “*green lifestyle*”, memperluas keusahawanan berasaskan kitar semula, serta membudayakan pemikiran lestari dalam kalangan komuniti. Tema program ini, iaitu “*Turning Trash into Income*”, mencerminkan aspirasi untuk mentransformasikan bahan buangan kepada sumber pendapatan; satu pendekatan yang praktikal, inklusif dan berpaksikan komuniti.
6. Saya dimaklumkan bahawa program hari ini adalah edisi yang ketiga dalam siri jelajah di Seberang Perai bermula di Seberang Perai Utara pada 24 Mei, kemudian di Seberang Perai Tengah pada 31 Mei dan hari ini diadakan di Seberang Perai Selatan. Pendekatan menyeluruh ini membuktikan kesungguhan kita dalam memastikan bahawa “*no community is left behind*” dalam agenda pembangunan hijau.
7. Program ini juga merupakan antara inisiatif utama di bawah “*Levelling Up Seberang Perai*”, hasil kerjasama erat antara MBSP dan Think City. Usaha ini menyasarkan “*narrowing development gaps*” antara

kawasan bandar dan luar bandar melalui pemerkasaan komuniti, peningkatan infrastruktur awam dan persekitaran hidup, serta peluasan peluang ekonomi yang lebih inklusif.

8. MBSP sebagai Pihak Berkuasa Tempatan, komited dalam menyokong agenda ekonomi kitaran ini dengan menyediakan infrastruktur sokongan, memperkukuh dasar mesra alam, serta menjalankan program pendidikan dan kesedaran komuniti secara berterusan, dengan kerjasama strategik NGO dan institusi pendidikan.
9. Pada masa yang sama, Think City terus memainkan peranan penting sebagai *“technical and funding partner”* dengan menyumbang kepakaran dalam penyelidikan, pemetaan komuniti dan pelaksanaan projek perintis di lapangan. Ini merupakan contoh terbaik *“co-creation and shared responsibility”* dalam membentuk landskap pembangunan masa depan Seberang Perai.
10. Saya amat berharap agar Program Kitaran Ekonomi ini akan menjadi satu *“catalyst”* kepada transformasi Seberang Perai ke arah sebuah bandar yang rendah karbon, mesra alam dan berdaya tahan. Malah, inisiatif seperti ini amat bertepatan dengan matlamat kita untuk menjadikan Seberang Perai sebagai *“a model circular economy city”* di Malaysia.
11. Saya juga ingin menyeru kepada semua pihak sektor awam, swasta, pertubuhan masyarakat dan warga komuniti agar terus berganding

bahu untuk menjadikan Seberang Perai sebagai model ekonomi kitaran yang berjaya di peringkat nasional, selaras dengan hasrat negara menuju kemampanan dan bandar rendah karbon.

12. Dengan semangat kolaborasi dan sokongan daripada Think City serta rakan-rakan strategik yang lain, saya yakin MBSP akan terus melangkah ke hadapan dalam memperkasa pembangunan bandar yang inklusif, berdaya tahan dan mampan.
13. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, sukacitanya saya merasmikan **Program Kitaran Ekonomi Seberang Perai**.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.